

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 15
 RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN • ISNIN 24 FEBRUARI 2020

NASIONAL

15

Wanita tempatan pulih sepenuhnya

Wanita berkenaan adalah kes ke-13 yang dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar

KUALA LUMPUR

Seorang wanita rakyat Malaysia berusia 40 tahun yang disahkan positif koronavirus (Covid-19) telah pulih sepenuhnya dan dibenarkan pulang petang kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan wanita berkenaan adalah kes ke-13 yang dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan disahkan positif Covid-19 pada 5 Februari lepas.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 yang telah pulih sepenuhnya dan discaj sehingga hari ini (semalam) adalah sebanyak 18 orang dengan empat masih dirawat di wad. Kesemua mereka berada dalam keadaan stabil," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan setakat 23 Februari lepas, secara kumulatif Kementerian Kesihatan (KKM) telah melaporkan sebanyak 22

kes Covid-19 termasuk 20 kes import atau dari luar iaitu kes yang mempunyai sejarah perjalanan dari atau tinggal di luar negara khususnya dari China.

Baki dua kes lagi adalah dalam kalangan ahli keluarga kepada satu daripada kes Covid-19 yang merupakan warga Malaysia.



DR NOOR HISHAM

ANCAMAN
 COVID-19

"Mengambil kira dapatan ini, KKM telah bertindak proaktif dengan memperkukuhkan Survelan Covid-19 bagi mengesan kes dalam kalangan masyarakat tempatan.

"Sistem survelan ini mengguna pakai konsep yang sedia dilaksanakan bagi Sistem Survelan Influenza iaitu melalui pengesanan kes jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) dan pengesanan kes influenza-like illness (ILI) yang memenuhi kriteria, masing-masing di peringkat hospital serta klinik kesihatan yang telah dikenal pasti," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini tiada sampel dikesan positif Covid-19 daripada sejumlah sampel yang telah diambil dan diuji melalui sistem survelan tersebut.

Pengukuhan pengesanan dalam kalangan kes SARI telah dimulakan sejak 12 Februari lepas manakala pengukuhan pengesanan dalam kalangan kes ILI telah dimulakan pada 22 Februari lepas.

- Bernama

Bekas pesakit Covid-19 seru orang ramai jangan panik

SHAH ALAM - Pesakit kes koronavirus (Covid-19) ke-13 di negara ini yang telah sembuh sepenuhnya menyeru orang ramai agar bertenang dan membantu antara satu sama lain dengan mengikuti arahan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Menurutnya, orang ramai juga perlu mengelakkan keluar ke tempat tumpuan dan selalu cuci tangan selain mendapatkan bantuan jika mempunyai simptom jangkitan.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana melindungi rakyat Malaysia daripada wabak Covid-19. Saya menghargai segala usaha yang dilakukan. Terima kasih!" katanya yang ditemu bual oleh KKM sebelum dibenarkan keluar dari wad isolasi Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar semalam.

Ditanya mengenai perasaannya apabila disahkan positif jangkitan Co-

vid-19, dia berkata, pada awalnya tidak dapat menerima berita tersebut.

"Saya tidak pernah jangka wabak Covid-19 akan melibatkan keluarga dan saya sendiri. Saya bimbang terutamanya anak-anak saya, nasib baik semua orang sihat sekarang," katanya.

Menurutnya, dia mengucapkan terima kasih kepada staf hospital kerana memberi perkhidmatan terbaik sepanjang berada di hospital tersebut.

"Sebelum kejadian ini, saya tidak pernah memasuki wad hospital kerajaan. Saya pernah memegang persepsi yang kurang tepat terhadap perkhidmatan hospital kerajaan.

"Pengalaman kali ini membuktikan bahawa hospital kerajaan mampu memberi perkhidmatan yang berkualiti dan bertaraf tinggi. Rakyat Malaysia patut berbangga dengan pencapaian tersebut," katanya.



Pesakit Covid-19 ke-13 (depan, empat dari kanan) ketika dibenarkan keluar dari wad isolasi Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar kelmarin.